



PERCUMA 22 - 29 Ogos 2014, 26 Syawal - 3 Zulkaedah 1435

PBT Selangor ke hadapan gempur nyamuk aedes

muka 10

Antara hak ber-suara dan nama baik individu

muka 6

Tinjauan: Pengganti perlu buktikan lebih hebat daripada Abdul Khalid

muka 5

Asrama Unisel baru: Ibu bapa, pelajar berpuas hati

muka 7



GEMBLENG TENAGA... Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Mohd Jaafar Mohd Atan bersama kumpulan ‘Task Force’ selepas majlis penyerahan topi dan ‘vest’ serta kain rentang kepada ketua-ketua jabatan sewaktu pelancaran Task Force Denggi yang diadakan di Dewan Pangaspuri Perdana di Seksyen 13

Abdul Khalid: Itulah harga sebuah integriti

OLEH AFEEQA AFEERA

SHAH ALAM - Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim meminta maaf kepada rakyat Selangor kerana terpaksa berdepan tempias krisis jawatan Menteri Besar Syang kini hangat diperkatakan baik di kalangan pemimpin juga media.

Abdul Khalid dalam nada tenang membuat ucapan maaf berkenaan di hadapan lebih 100 peserta Persidangan Tahunan Integriti PKNS di Pusat Konvensyen Shah Alam (SACC), baru-baru ini.

“Saya minta maaf terhadap perhatian yang terpaksa dihadapi oleh anda sekalian. Perkara ini menjadi kebiasaan bagi saya sebagai ahli politik, jadi saya terpaksa menghadapinya.

“Saya minta maaf kerana anda datang ke sini bukan untuk terbabit dalam

keadaan ini. Itulah harga sebuah integriti,” katanya.

Pada masa sama, Abdul Khalid turut memetik hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan Bukhari berhubung soal amanah iaitu ‘di saat amanah tidak lagi dipegang teguh, maka tunggulah saat kehancuran dan jika sesuatu urusan itu diserahkan kepada orang yang bukan ahlinya, maka tunggulah saat kehancuran’.

Abdul Khalid juga terus menutup mulut ketika diekorai sekumpulan besar wartawan bagi mendapatkan ulasan berhubung kemelut jawatan yang disandangnya.

Beliau tampil dalam acara itu selepas membatalkan dua acara rasmi iaitu pertemuan dengan penjawat awam negeri dan Mesyuarat Agung Tahunan Kelab Bola Sepak Selangor.

Menteri: Rebut jawatan MB tidak jejas perjanjian air

PERGELUTAN jawatan Menteri Besar Selangor tidak menjelaskan perjanjian penstrukturran air antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan, te-gas Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) Datuk Seri Dr Maximus Ongkili.

Memetik laporan agensi berita Bernama, Maximus menegaskan perjanjian yang dimeterai itu merupakan satu perjanjian yang menyeluruh antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan syarikat konsesi.

“Segala rundingan dan perbincangan juga dijalankan secara terbuka dan keutamaan perjanjian ini adalah untuk menjamin bekalan air yang berterusan di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya,” katanya.

Beliau berkata demikian sewaktu sidang media selepas merasmikan projek Penggantian Paip Air Dasar Laut Ke Pulau Ketam, 19 Ogos lepas.

lihat muka 2 >>

Hormati titah Sultan dan hindari kenyataan negatif

OLEH AFIX REDZUAN

SHAH ALAM - Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim akur dengan titah DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah yang meminta semua pihak menunggu kepulangan Tuanku bagi menyelesaikan kemelut kepimpinan Kerajaan Negeri yang dihadapi kini.

"Saya menghormati dan akur nasihat DYMM Sultan Selangor supaya saya

menghadap selepas Baginda kembali ke tanah air.

"Sehingga itu, saya dan barisan EXCO akan menjalankan tugas seperti biasa bagi menjamin pentadbiran serta pengurusan negeri berjalan lancar dan baik.

"Saya menyeru semua pihak terutama pemimpin politik menghormati titah DYMM Tuanku Sultan dan menghindarkan diri dari membuat kenyataan yang boleh mengundang tanggapan negatif

terhadap DYMM Sultan Selangor," kata Abdul Khalid.

Sebelum ini, Istana Selangor menyatakan bahawa Abdul Khalid membuat permohonan untuk menghadap Sultan Selangor di luar negara.

Bagaimanapun Setiausaha Sulit Sultan Selangor Datuk Mohamad Munir Bani berkata Tuanku menitahkan supaya Abdul Khalid menunggu sehingga Baginda pulang.

“

Saya menghormati dan akur nasihat DYMM Sultan Selangor supaya saya mengadap selepas Baginda kembali ke tanah air

ABDUL KHALID

Menteri Besar

Walau jawatan 6 Exco kosong urusan diteruskan

SHAH ALAM - Segala pelan dan rancangan program Kerajaan Negeri akan tetap dilaksanakan walaupun enam jawatkuasa portfolio terpaksa dikosongkan.

Exco Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan, Dr Halimah Ali berkata, Kerajaan Negeri kini bekerja menjadikan keenam-enam portfolio itu sebagai satu tanggungjawab bersama.

Katanya, Kerajaan Negeri terus komited untuk menjayakan segala program agar rakyat terus mendapat manfaat.

"Kita akan panggil semua (pegawai) stanco lain dan pegawai Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) setiap Selasa untuk selesaikan apa jua program dirancang supaya berjalan seperti biasa.

"Empat orang Exco dan

para pegawai cuba sebaik menjalankan tugas berdasarkan perancangan yang disediakan sebelum ini," katanya dalam sidang media di pejabatnya, baru-baru ini.

Beliau ditanya kelangsungan Kerajaan Negeri dan pembahagian portfolio selepas enam anggota Exco dipecat selepas enggan memberikan kerjasama dengan Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Pada 11 Ogos lepas, DYMM Sultan Selangor memberi perkenan kepada Abdul Khalid untuk terus memegang jawatan Menteri Besar sekalipun beliau dipecat parti PKR dua hari sebelum itu.

Empat Exco daripada PAS termasuk Halimah memilih untuk kekal dalam Kerajaan Negeri bagi menjamin kelancaran pentadbiran dan perancangan sedia ada.



Exco Belia dan Sukan; Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Dr Ahmad Yunus Hairi, hadir di Kongres Tahunan ke-64 Persatuan FAS bagi mewakili Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim yang mengekalkan jawatannya sebagai Presiden Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS) bagi penggal 2014-2018 setelah menang tanpa bertanding pada pemilihan itu

Exco: Nak minta seringgit pun susah

SHAH ALAM - Exco Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan, Dr Halimah Ali mendedahkan para Exco perlu membentangkan hujah yang jelas dan pelan yang terperinci untuk mendapat peruntukan, hatta RM1 seka-

lipun daripada Menteri Besar Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Beliau berkata hanya itu 'masalah' pentadbiran Abdul Khalid, yang amat berhati-hati dalam membuat keputusan agar setiap ringgit yang dibelanjakan memberi manfaat kepada rakyat.

"Nak minta seringgit pun susah, tetapi jika untuk rakyat dia akan luluskan.

"Exco kena beri hujah, kalau dia (Abdul Khalid) tak nampak manfaat dia tidak akan luluskan, dia berhati-hati sebab itu duit rakyat," kata beliau sambil ketawa kecil.

Menurutnya, kelulusan hanya diberikan andai peruntukan yang diminta anggota Exco disertai pelan terperinci bagaimana wang berkenaan dibelanjakan.

Beliau berkata demikian ketika ditanya wartawan pen-galamannya bekerja dibawah Abdul Khalid sepanjang menjadi Exco sejak 2008.

Menjawab soalan berhubung perjanjian air dengan Kerajaan Pusat, Halimah berkata Abdul Khalid sentiasa berbincang dengan anggota Exco negeri hal-hal melibatkan keputusan besar Kerajaan Negeri.

"RM9 pun susah dia nak lepas, lagi kalau RM 9.65 billion. Dia teliti kesemuanya dan tidak akan terburu-buru lebih-lebih lagi melibatkan duit yang besar.

"Untuk isu perjanjian air, kita (Exco) diberitahu secara umum dan bukan terperinci. Menteri Besar ada pasukan sendiri yang pakar dalam perkara itu," katanya lagi.

<< dari muka depan

Mustahil batal perjanjian

Turut hadir, Ketua Setiausaha KeTTHA Datuk Lee Took Gee dan Ketua Pengarah Jabatan Bekalan Air Ir. Noor Azahari Zainal Abidin.

Mengulas mengenai risiko pembatalan perjanjian tersebut, Ongkili berkata perjanjian tersebut, mustahil untuk dibatalkan kerana ia merupakan perjanjian antara kerajaan negeri dan pusat.

"Selain itu, adalah amat sukar untuk tidak meneruskan perjanjian tersebut kerana ia memberi manfaat yang besar

kepada rakyat," katanya.

Pada 1 Ogos lepas, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri menandatangani Perjanjian Dasar Induk berhubung penstrukturkan semula industri bekalan air dan penyelesaian jangka panjang isu air di Selangor.

Perjanjian itu ditandatangani antara Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim ketika kemelut perebutan jawatan menteri besar negeri itu sedang berlaku sementara kerajaan Persekutuan diwakili Ongkili.

“

Exco kena beri hujah, kalau dia (Abdul Khalid) tak nampak manfaat dia tidak akan luluskan, dia berhati-hati sebab itu duit rakyat

DR HALIMAH ALI
Exco Pendidikan

Dokumen palsu 'Langkah Kajang'

Pegawai MB mahu polis siasat menyeluruh “

SHAH ALAM - Pegawai Tugas-tugas Khas Menteri Besar Selangor, Azrul Azwar Ahmad Tajuddin membuat laporan Polis berhubung dokumen 'Langkah Kajang' yang didedahkan baru-baru ini.

Azrul Azwar berkata, laporan polis yang dibuat 20 Ogos lepas itu bagi mengelak namanya dikaitkan dengan dokumen itu.

"Saya ingin menegaskan bahawa saya tidak tahu menahu atau mempunyai sebarang kaitan dengan perancangan Langkah Kajang atau mana-mana intipati lain yang terkandung dalam dokumen setebal tujuh muka surat itu," demikian menurut laporan po-

lis itu yang dimuat naik di laman Facebooknya.

Azrul Azwar menggesa pihak berkuasa menyiasat secara menyeluruh dan mengenal pasti dalam di sebalik dakwaan yang dilemparkan itu.

Dokumen yang diberi nama 'Ringkasan Eksekutif Langkah Kajang', disebarluaskan meluas di ruang maya.

Nama Azrul disebut sebagai salah seorang perancang bersama dengan Institut Rakyat. Beliau meninggalkan Institut Rakyat April lalu.

Institut Rakyat merupakan satu badan pemikir dan lembaga pengaruhnya turut dianggotai Presiden PKR, Datuk

Saya ingin menegaskan bahawa saya tidak tahu menahu atau mempunyai sebarang kaitan dengan perancangan Langkah Kajang atau mana-mana intipati lain yang terkandung dalam dokumen setebal tujuh muka surat itu

AZRUL AZWAR
Pegawai Tugas-tugas
Khas Menteri Besar

Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, dan Pengerusi konsesi air Splash, Tan Sri Wan Azmi Wan Hamzah.

Penyebaran dokumen rahsia 'Langkah Kajang' palsu & fitnah

SHAH ALAM - PKR menafikan dokumen "Langkah Kajang" yang disebar di laman media sosial adalah palsu dan fitnah.

Pengarah Komunikasi PKR, Fahmi Fadzil berkata beliau mendapat beberapa panggilan dan notifikasi 20 Ogos lalu berkaitan satu dokumen kononnya ditulis Pengarah Strategi PKR Rafizi Ramli, berkaitan "Kajang Move/Langkah Kajang".

"Saya mengesahkan bahawa dokumen tersebut adalah palsu dan fitnah," kata Fahmi dalam satu kejayaan media.

Beliau berkata, PKR mengcam tindakan sebar maklumat yang salah dan tidak bertanggungjawab.

"Usaha sebar fitnah sebegini membuktikan politik di Malaysia masih belum cukup



matang, dan musuh politik PKR enggan berentap di tahap idea dan konsep, tetapi masih terperangkap di tahap politik fitnah dan lucu yang kuno," kata Fahmi.

Berita 'Rodziah lupa diri' tidak berasas, wartawan minta maaf

WARTAWAN MalaysiaGazette memohon maaf kepada Adun Batu Tiga, Rodziah Ismail di atas 'Rodziah lupa diri, tolak Khalid demi jawatan Ketua Wanita PKR' yang disiaran di portal media itu 18 Ogos lepas.

Wartawan itu berkata laporannya itu tidak benar dan menyesali perbuatannya itu.

"Semua kenyataan yang terkandung di dalam tulisan, 'Rodziah lupa diri, tolak Khalid demi jawatan Ketua Wanita PKR' yang ditulis oleh saya, Hamdan Othman, dan dihebahkan oleh MalaysiaGazette pada 18 Ogos 2014 adalah sama sekali tidak benar dan palsu."

Saya mohon maaf, dan yang benar adalah kenyataan media YB Rodziah Ismail (19 Ogos 2014). Saya kesal di atas laporan tersebut dan berjanji tidak akan mengulangi perbuatan tersebut," katanya.

Permohonan maaf itu disiaran di portal MalaysiaGazette.

Permohonan maaf itu menyusuli kata dua dari Rodziah

Rabu, Rabu,

MalaysiaGazette
SPROUT YOUR MIND

MUKA DEPAN NASIONAL EKONOMI HIBURAN SUKAN AKHBAR CINA DUNIA AGAMA RENCANA S

TERKINI Palanivel ditingkatkan tidak salahkan Najib dalam isu pelantikan

ARTIKEL BERKAITAN

Berita 'Rodziah lupa diri' tidak berasas, wartawan minta maaf

NACIONAL DI KUALA LUMPUR 19 AGO 2014 (1 DAY AGO)

Tweet 3 Like 9 +1 0 Print

1 of 1

mendesak portal itu memohon maaf dalam masa 24 jam atau menghadapi tindakan undang-undang.

Rodziah berkata tulisan itu berniat jahat, fitnah dan sejaja mengaibkan.

"Hamdan Othman dituntut untuk mengemukakan permohonan maaf itu secara bertulis kepada saya, di semua laman sosial medianya dan dalam salah satu akhbar arus perdana harian bercetak dalam

masa 24 jam.

"Saya akan meneruskan tindakan undang-undang termasuk jenayah jika pihak MalaysiaGazette dan Hamdan Othman gagal berbuat demikian," katanya.



“Semua kenyataan yang terkandung di dalam tulisan, 'Rodziah lupa diri, tolak Khalid demi jawatan Ketua Wanita PKR' yang ditulis oleh saya, Hamdan Othman, dan dihebahkan oleh MalaysiaGazette pada 18 Ogos 2014 adalah sama sekali tidak benar dan palsu.

RODZIAH ISMAIL
Adun Batu Tiga

Kemelut kerusi MB yang kian terlerai

Kemelut kedudukan Menteri Besar yang membahang beberapa minggu lalu hingga meresahkan segenap lapisan rakyat, mula menunjukkan tanda-tanda reda.

PAS dan Pakatan Rakyat (PR) - gabungan parti yang memiliki kerusi terbanyak, selesai mengadakan mesyuarat dan membuat keputusan masing-masing.

Kini, semua pihak terutama rakyat boleh menarik nafas lega dan hanya menunggu titah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah bagi merungkai isu berkenaan.

Malah, keprihatian baginda terserah berdasarkan laporan media bahawa Sultan Sharafuddin dijangka pulang awal dari luar negara bagi meleraikan masalah di negeri ini.

Maka, semua pihak harus pendukung kepada sesiapa pun, jangan pula gatal tangan memercik bara hingga memanaskan kembali situasi politik yang kian tenang.

Kerana, kemelut yang berlarutan tanpa penyelesaian muktamad tidak akan menguntungkan sesiapa, lebih-lebih lagi rakyat marhaen yang wajar dibela nasib mereka.

Sebuah pihak harus kem-



Selangorkini
EDITORIAL

bali menumpu perhatian kepada kepentingan rakyat, tidak lagi terheret dalam isu politik yang ruang lingkupnya cuma segelintir kelompok tertentu.

Cukuplah rakyat rimas dengan kemelut sedia ada. Usahlah pula ia dipanjang-panjang lagi hingga mungkin menjasaskan keharmonian yang baru hendak tercipta.

Selangor sebagai negeri terkaya di negeri ini harus melonjak dari semua aspek sekalipun sekian banyak skim kebajikan telah dilimpah kepada rakyat.

Kita bimbang, jika kemelut ini berlarutan, segala usaha kebajikan terjejas hingga akhirnya rakyat yang hendak dibela tersisih dek pergelutan politik yang tidak kunjung sudah.

Maka, semua pihak harus bertengang. Elakkan spekulasi yang bukan-bukan, jangan disimbah api sengketa.

Semua pihak sewajarnya menunggu tanpa syak wasangka terhadap keputusan istana yang kita harap-harapkan menguraikan kekutan, menjernihkan kembali situasi di negeri tercinta ini.

Ketua Pengarang

Terap budaya transperansi dan integriti

OLEH AFEEQA AFEERA

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri memuji usaha Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) menerapkan budaya ketulusan, integriti serta bebas rasuah dalam pentadbirannya selaras dengan visi yang ditetapkan negeri Selangor.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, kagum akan penekanan tadbir urus korporat yang telus oleh PKNS melalui perjanjian Ikrar Integriti Korporat (CIP) terhadap mana-mana pihak yang ingin menjalin kerjasama dengan badan itu.

Katanya usaha itu perlu dirancang sebaik-baiknya bagi memastikan budaya integriti dapat diterapkan secara meluas.

"Dalam menyokong usaha PKNS terhadap pelaksanaan integriti, Kerajaan Negeri juga ingin menggalakkan lebih banyak organisasi serta agensi kerajaan terutama di Selangor supaya menguatkuasakan Sistem Integriti Korporat.

"Bagi Kerajaan Negeri sen-

diri, kita sudah melaksanakan sistem ini di bawah Jabatan Sumber Manusia yang melaporkan secara terus kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK)," katanya semasa merasmikan Persidangan Tahunan Integriti PKNS di Pusat Konvensyen Shah Alam (SACC), baru-baru ini.

Acara tahunan itu menampilkan penceramah terbuka dari dalam dan luar negara antaranya Pengarah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Rasuah, Datuk Hisham Nordin; Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Mustafar Ali dan lain-lain.

Mengulas lanjut, Abdul Khalid berkata pelaksanaan tadbir urus yang telus akan memberi kesan baik terhadap prestasi korporat sesebuah organisasi untuk jangka masa pendek dan panjang.

Katanya mana-mana syarikat yang menyokong tadbir urus baik akan mendapat kelebihan daya saing sebenar, meningkatkan imej dan reputasi serta berupaya menarik serta mengekalkan tenaga kerja yang berkualiti.

Dalam menyokong usaha PKNS terhadap pelaksanaan integriti, Kerajaan Negeri juga ingin menggalakkan lebih banyak organisasi serta agensi kerajaan terutama di Selangor supaya menguatkuasakan Sistem Integriti Korporat

ABDUL KHALID
Menteri Besar

tasi serta berupaya menarik serta mengekalkan tenaga kerja yang berkualiti.

"Ia juga memberi kelebihan kepada nilai pulangan wang dan meningkatkan pengurusan risiko yang berkesan selain mengurangkan kos jangka panjang serta memberi daya tarikan yang lebih besar kepada institusi berkenaan dalam memastikan pembangunan ekonomi yang mampan," katanya lagi.



Sebahagian daripada peserta Persidangan Tahunan Integriti PKNS yang hadir

Selangor Kini

SIDANG PENGARANG

PENASIHAT: Faekah Husin
Arfa'eza Abdul Aziz

KETUA PENGARANG: Fazallah Pit

PENGARANG BERITA: Hafizah Mokhtar **PEMBANTU PENGARANG:** Rusidah Salim

WARTAWAN: Afieeqa Afeera: afieqa_afeera@yahoo.com,

Hafizah Taib: hafiztaib@yahoo.com, Naeem Raffi: naeemraffi85@gmail.com,

Afix Redzuan : afixredzuan@gmail.com, Lizawati Madfa : lizalyn84@gmail.com,

Norhayati Umor: chayunkyyatt@gmail.com, Nazli Ibrahim : nazliibrahim@gmail.com,

Norfarahidayu Baharudin : ayu_tvs@yahoo.com

JURUGAMBAR: Raheemie Arifin, Shuaib Ayob & Asri Sapie

GRAFIK & REKA LETAK: Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Akuatik 13/43,

Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: newsselangorkini@gmail.com

Tinjauan: Pengganti perlu buktikan lebih hebat daripada Abdul Khalid

OLEH AFIX REDZUAN

SHAH ALAM - Dalam satu tinjauan oleh Politweet.Org terhadap pengguna laman sosial Twitter, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim terus menjadi pilihan untuk kekal mentadbir Selangor meskipun beliau berhadapan dengan desakan kuat untuk

melepaskan jawatan bagi Menteri Besar yang baru.

Tinjauan terbuka Politweet.Org itu melibatkan 2,062 responden dengan 22 peratus (445 orang) daripada mereka bersetuju Abdul Khalid dikekalkan sebagai Menteri Besar sementara hanya 10 peratus (209 orang) mahu beliau berundur.

Sebanyak 10 peratus (206 orang) menyatakan tidak menyokong Pakatan Rakyat dan 5 peratus tidak menyokong Ketua Umum PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Presiden PKR, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Sementara 3 peratus responden (65 orang) rakyat tidak gembira terhadap semua parti dan krisis yang berlaku manakala 2 peratus (34 orang) sahaja bersetuju sekiranya Dewan Negeri Selangor (DNS) dibubarkan.

Jumlah peratusan tertinggi dicatatkan sebanyak 48 peratus apabila 988 responden tidak mempunyai pandangan terhadap kemelut yang berlaku.

"Hasil daripada analisis ini kita boleh mengatakan bahawa orang ramai melihat Tan Sri Abdul Khalid sebagai seorang wakil rakyat yang dihormati dan bukan wakil parti politik.

"Alasan yang diberikan oleh PKR untuk memecat beliau juga tidak dijelaskan dengan baik atau diterima. Hasilnya pemecatan Tan Sri Khalid dilihat sebagai tidak adil dan tidak munasabah," petik rumusan kajian dari Politweet itu.

Tinjauan yang sama juga menda-pati responden yang menyokong Abdul Khalid tidak berpuas hati dengan tindakan PKR yang melemparkan dakwaan tanpa bukti, terburu-buru menggurkan tokoh korporat itu, dan tidak menunjukkan bukti yang mengesahkan Abdul Khalid melakukan kesalahan.

Selain itu, Abdul Khalid juga difikirkan melakukan tugas membangunkan negeri dengan baik, selain meningkatkan rizab simpanan Kerajaan Negeri sehingga mencecah RM3.2 bilion.

"Sebagai contoh, (Kerajaan Negeri) menandatangani MoU dengan Kerajaan Persekutuan pada Projek Langat 2 adalah salah satu daripada sebab-sebab yang disebut oleh PKR bagi pemecatannya.

"Bagaimanapun pengguna melihat Langat 2 sebagai satu langkah yang baik untuk menamatkan masalah bekalan air. Isu bekalan air juga dilihat sebagai lebih penting daripada perubahan dalam Menteri Besar," menurut tinjauan itu lagi.


Mereka juga berpendapat, Adun Pelabuhan Klang ini boleh bekerja dengan baik tanpa campurtangan politik dan sepatutnya kekal meneruskan tugas sehingga habis penggal serta cadangan supaya beliau membersihkan namanya.

"Tindakan Pakatan Rakyat (terutamanya PKR) semasa krisis ini secara keseluruhannya dikritik, walaupun daripada pengguna yang menerima pemecatan Tan Sri Khalid.

"PR dilihat sebagai mengambil tindakan untuk kepentingan mereka sendiri terhadap Abdul Khalid dan bukan untuk kepentingan rakyat," menurut tinjauan itu.

Pendapat pengguna Twitter, Krisis MB Selangor

9 Ogos - 15 Ogos 2014



Tiada isu 'melengah-lengahkan' peruntukan

OLEH NORFARAHIDAYU BAHRUDIN

SHAH ALAM - Exco Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan, Dr Halimah Ali mendakwa tiada isu melengah-lengahkan pemberian peruntukan dari Kerajaan Negeri untuk empat sekolah Cina persendirian seperti yang didakwa bekas Exco Kerajaan Tempatan, Kajian dan Penyelidikan, Datuk Teng Chang Khim.

Kerajaan Negeri di bawah agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) memperuntukan RM16 juta setiap tahun kepada Sekolah Agama Rakyat

(SAR), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) di seluruh Selangor sejak 2009.

"Setiap tahun kerajaan negeri memperuntukkan RM4 juta untuk SJKC, di mana RM2 juta untuk sekolah Cina persendirian dan RM2 juta untuk Sekolah kebangsaan Cina."

"Tiada timbul isu melengah-lengahkan di sini kerana pihak sekolah tersebut sendiri tidak memohon untuk peruntukan tersebut. Pihak sekolah sepatutnya mengisi borang yang disediakan di dalam portal kerajaan Negeri seperti yang

dilakukan oleh sekolah-sekolah lain," jelas beliau ketika dihubungi Selangor Kini.

Baru-baru ini, Teng berakta Halimah melengah-lengahkan pemberian peruntukan sebanyak RM2 juta ke atas empat sekolah Cina persendirian di Selangor, iaitu Sekolah Menengah (Persendirian) Kwang Hua, Sekolah Menengah (Persendirian) Pin Hwa, Sekolah Menengah (Persendirian) Xhung Hua, Klang dan Sekolah Menengah (Persendirian) Hin Hua.

Walau bagaimanapun, Halimah menegaskan Majlis Penyerahan Pemberian Peruntukan RM500 ribu akan diberi-

kan kepada keempat-empat sekolah persendirian tersebut pada 23 Ogos ini.

Sementara itu, satu jawatankuasa diketuai Rektor Kolej Universiti Islam Selangor (Kuis), Prof Madya Datuk Dr Ab Halim Tamuri bersama tujuh ahli dari Fakulti Pendidikan Kuis dan Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) akan memperhalusi kenaikan elauan guru Kelas Agama Fardu Ain (Kafa).

Laporan kajian yang sedang dilaksanakan ketika ini akan dimajukan kepada pihak Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) dan Jais pada pertengahan September tahun ini.

“Tiada timbul isu melengahkan disini kerana pihak sekolah tersebut sendiri tidak memohon untuk peruntukan tersebut. Pihak sekolah sepatutnya mengisi borang yang telah disediakan didalam portal kerajaan negeri”

DR. HALIMAH ALI
Exco Pendidikan

Antara hak bersuara dan nama baik individu

OLEH KUA KIA SOONG,
PENASIHAT SUARA RAKYAT
MALAYSIA (SUARAM)

SEKIRANYA kamu tidak pernah memegang jawatan yang dengannya memikul tanggungjawab besar, barangkali kamu tidak perlu berhadapan dengan risiko fitnah. Seorang pemimpin kanan Pakatan Rakyat (PR) sedia maklum perasaan bila difitnah sebagai peliat dan beliau telah mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka yang memfitnah melalui media.

Saya sendiri pernah difitnah sewaktu menjadi Pengetua di Kolej New Era. Ketika itu, pengarah-pengarah kolej mendakwa sejumlah wang lesap, walhal tidak, dan saya mengambil tindakan undang-undang terhadap penipu-penipu yang memfitnah saya demi mencapai agenda peribadi masing-masing.

Kini, Menteri Besar Selangor Khalid Ibrahim juga mengambil tindakan saman terhadap mereka yang mendakwa melalui media bahawa beliau terlibat dalam beberapa kes salah-laku. Beliau telah mengupah khidmat seorang peguam hak asasi manusia terkenal, Edmund Bon, seba-



gai peguamnya dalam kes itu.

Lantaran itu, Edmund Bon dikecam oleh sebilangan aktivis hak asasi manusia kerana menjadi peguambela Abdul Khalid.

Isu pokok disini adalah, yang wajar diingat oleh semua pelindung hak asasi manusia, ialah mengimbangi antara hak untuk bersuara secara terbuka dan keperluan untuk melindungi nama baik seseorang.

Mana-mana individu mempunyai hak untuk membela maruah dari disakiti dengan menyaman orang perseorangan atau media yang didapat telah merendahkan kehormatan individu di mata masyarakat, atau mengakibatkan individu itu dihina atau dibenci orang lain.

Aktivis-aktivitis itu sepatutnya lebih arif kerana Suaram dan beberapa badan bukan kerajaan (NGO) lain pernah menyaman New Straits Times baru-baru ini kerana memfitnah kami sebagai 'ejen asing' dan kes itu pasti dibawa ke muka pengadilan sekiranya NST tidak menyiar permohonan maaf diatas perilaku mereka.

Sebagai seorang pengamal undang-undang, Edmund Bon bertanggungjawab dari sudut

undang-undang untuk berkhidmat sekiranya diminta oleh Abdul Khalid. Dalam erti kata lain, kedua-duanya iaitu Abdul Khalid dan penuduh mempunyai hak masing-masing. Maka terletak pada mahkamah untuk menentukan sama ada aduan Abdul Khalid boleh diterima, serta apakah tuduhan terhadapnya juga betul.

Kita mengharapkan Edmund Bon melakukan yang terbaik membentangkan kes anak guamnya secara profesional - mempersoal motif peguam mewakili anak-anak guam mereka tidak ada kena mengena dengan hak asasi manusia.

Keadilan Parti Keadilan Rakyat

Sebagai seorang ahli parti yang merasakan dirinya dianiayai, Abdul Khalid juga berhak untuk merayu kepada Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (RoS) bahawa beliau dipecat secara salah, sepetimana yang pernah dilakukan orang lain sebelum ini. Antaranya pernah menjadi ahli dalam parti-parti komponen Pakatan Rakyat.

Sangat mengejutkan apabila dakwaan-dakwaan salah laku itu yang dianggap terlalu serius hingga Abdul Khalid perlu mengosongkan kerusi MB, sebenarnya tidak seserius mana kerana pimpinan PKR seperti Tian Chua menawarkan beliau jawatan Penasihat Ekonomi Negeri Selangor

kumen salah laku Abdul Khalid dibuka untuk disiasat bagi menentukan apakah dakwaan terhadap beliau itu betul atau tidak.

Walau bagaimanapun, sangat mengejutkan apabila dakwaan-dakwaan salah laku itu yang dianggap terlalu serius hingga Abdul Khalid perlu mengo-songkan kerusi MB, sebenarnya tidak seserius mana kerana pimpinan PKR seperti Tian Chua, menawarkan beliau jawatan Penasihat Ekonomi Negeri Selangor.

Soalnya, mengapa dakwaan-dakwaan salah laku itu tidak cukup mendesak PKR untuk membuat laporan polis atau Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)? Apa sebenarnya keterlanjuran Abdul Khalid?

Barangkali sesetengah NGO mempunyai maklumat tertentu yang tidak diketahui orang lain. Tetapi sekiranya bisik-bisik, khabar angin dan dakwaan tanpa bukti sudah memadai untuk menggantung seorang ketua, maka semua ketua di semua pertubuhan - termasuk NGO - harus berwaspada selepas ini.

Mana-mana individu mempunyai hak untuk membela maruah dari disakiti dengan menyaman orang perseorangan atau media yang didapat telah merendahkan kehormatan individu di mata masyarakat, atau mengakibatkan individu itu dihina atau dibenci orang lain

SHAH ALAM - Ibu bapa serta para pelajar yang mendaftar masuk bagi pengambilan Ogos Universiti Selangor (Unisel) melahirkan rasa puas hati dengan keadaan asrama yang disifatkan sangat baik.

Pada hari daftar masuk 16 Ogos lepas, Akauntan, Azman Jaafar, 54, menyifatkan keadaan asrama sebagai sangat memuaskan kerana keadaannya yang luas dan bersih.

Azman berkata, keadaan luarannya juga cantik kerana baru dicat serta nampak selesa.

"Bagi saya hostel memang baik dan teratur kerana keadaan alam sekitar di sekitar kampus ini selain daripada bersih serta ruang luas.

"Sebagai anak kelahiran Selangor memang saya bangga negeri ini ada institusi pendidikan tinggi (IPT) seperti ini," katanya ketika ditemui di asrama Kampus Bestari Jaya.

Guru, Zainal Osman, 48, yang menghantar anak perempuannya daripada Batu Pahat, Johor untuk meneruskan pengajian Ijazah Sarjana Pendidikan sememangnya berasa lega kerana asrama berkenaan sudah boleh diduduki.

Zainal berkata, anaknya menamatkan Pengajian Asasi di

Asrama UNISEL baru

Ibu bapa, pelajar berpuas hati



Azman Jaafar



Vanitha Muniandy



Saya percaya dengan UNISEL sebagai salah satu IPTS yang setaraf dengan IPTA. Memang cantik bangunan dan selesa. Sebagai ibu bapa saya rasa tenteram. Lebih dekat anak saya nak pergi ke kelas

ZAINAL OSMAN
Guru

Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial dan dia tidak teragak-agak mahu anaknya meneruskan pengajian di Unisel.

Menurutnya, ia ditambah faktor keyakinannya terhadap Unisel yang disifatkan sebagai sebuah IPTS yang setara dengan institut pengajian tinggi awam (IPTA) yang ada di negara ini.

"Saya percaya dengan Unisel

sebagai salah satu IPTS yang setaraf dengan IPTA.

"Dulu tunggu juga bila asrama nak siap, sekarang dah siap memang lega sebab lebih selamat duduk di dalam. Memang cantik bangunan dan selesa. Sebagai ibu bapa saya rasa tenteram. Lebih dekat anak saya nak pergi ke kelas," katanya.

Kampus berkenaan mula diduduki kembali sejak 1 Julai lalu berikutan kerja-kerja baik pulih melibatkan sistem kumbahan serta masalah mendaran tanah.

Asrama setinggi lima tingkat terdiri daripada 44 blok itu mula beroperasi kembali selepas ditutup kira-kira selama setahun lalu.

Guru, Vanitha Muniandy, 44, berkata, dia sanggup menghantar adiknya, Harshini, 20, dari Perlis untuk menyambung pengajian Ijazah Sarjana Muda Pendidikan kerana kemudahan dan fasiliti disediakan Unisel sekarang lebih baik berbanding dahulu.



Keadaan asrama yang selesa dan dilengkapi kemudahan

Vanitha berkata, selepas melihat keadaan asrama, dia sangat berpuas hati kerana keadaannya yang sangat selesa.

"Saya percaya suasana pembelajaran lebih selesa dengan segala fasiliti yang ada ini dapat memudahkan adik saya belajar.

"Biliknya besar dan bersih dan dengan adanya ini semua dapat mendorong pelajar untuk belajar bersungguh-sungguh," katanya.

Harshini berkata, dia selesa belajar di Unisel kerana mempunyai ramai pensyarah yang bagus malah sistem pengajaran serta pembelajarannya juga sangat baik.

Menurutnya, dia memuji keadaan asrama yang sangat kondusif serta jaraknya yang terletak dekat dengan fakulti.

"Saya memang sangat puas hati dengan asrama disediakan kerana jaraknya dekat memudahkan kami untuk belajar.

"Tinggal di dalam ini juga lebih selamat berbanding di luar," katanya.



Exco Pendidikan, Dr Halimah Ali, melakukan tinjau ke asrama puteri



Album

8 | Selangorkini 22 - 29 Ogos 2014



▲ Adun Taman Temple, Zaidy Abdul Talib bergambar bersama waris selepas menerima sumbangan Skim Mesra Usia Emas. Seramai 10 orang waris menerima sumbangan tersebut.



▲ Ahli Parlimen Kota Raja, Dr Mariah Mahmud, menyampaikan duit raya kepada kanak-kanak yang hadir pada Majlis Rumah Terbuka Pejabat Ahli Parlimen Kota Raja di Taman Sentosa

► Exco Belia dan Sukan; Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Dr Ahmad Yunus Hairi, bersama adik Muhammad Haziq dari sukan ping pong selepas Majlis Penyerahan Bendera Kontingen Negeri Selangor, bagi Kejohanan Sukan Paralimpik XVII Perlis 2014 di Kompleks Rakan Muda, Sementa, Klang



▲ Sambutan Hari Raya DUN Sementa Peringkat Kampung-kampung. Kelihatan Ahli Parlimen Kapar, Manivanan Gowin dan Adun Sementa, Dr Daroyah Alwi, hadir ke Program Rumah Terbuka Kampung Batu 3



▲ Adun Sekinchan, Ng Suee Lim, menyampaikan sumbangan dana kepada Pasti Al-Ikhlas Parit 4 Sekinchan. Turut hadir pengurus Pasti, Ustaz Selamat Sular dan Rojikin Sarbini

OLEH NAEEM RAFFI

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) akan meneroka konsep Bandar Dalam Taman sebagai satu kaedah yang akan diadaptasi dalam perancangan pembangunannya bagi memastikan penduduk di wilayah itu menikmati kehidupan yang selamat, selsa dan sihat.

Datuk Bandar Datin Paduka Alinah Ahmad, berkata MBPJ akan merealisasikan hasrat itu di bawah Pelan Tindakan Lingkaran Koridor Hijau yang mengambil kira taman-taman awam, hutan simpan, rezab utiliti, rezab sungai dan rintisan elektrik.

Katanya, untuk mencapai pembangunan mampan, pertalian simbiotik kawasan hijau dan kawasan binaan hendaklah dieratkan.

Lingkaran Koridor Hijau

Wujudkan jaringan taman-taman di PJ

"Fungsi kawasan hijau sebagai pembekal biodiversity, kitaran oksigen, habitat dan keselesaan manusia perlu diperlihara.

"Setiap kawasan lapang (greenbelt) dihubungkan bagi membentuk satu jaringan kawasan lapang yang dinamakan 'Park Connectors Network', jelasnya.

Park Connectors Network merupakan salah satu elemen di dalam konsep 'PJ Commu-

nity Green Corridor' di mana ia adalah jaringan jajaran kawasan lapang yang menghubungkan taman-taman awam utama, kawasan alam sekitar dan kawasan perumahan bagi memastikan kepentingan flora dan fauna terpelihara.

Berdasarkan laporan MURNInets (pengukuran bandar mampan), MBPJ mencapai tahap 2.4 hektar untuk 1,000 penduduk bagi penyediaan kawasan lapang.

Piawaian yang ditetapkan adalah 2 hektar untuk 1,000 penduduk Park Connectors juga merangkumi gunatanan lain seperti rezab parit, fore-shore and rezab jalan di mana kawasan-kawasan ini dijadikan tempat rekreasi yang cantik.

Menurut Alinah, Park Connectors dijadikan sebagai penghubung dan memberi kemudahan kepada penduduk untuk berjoging, berjalan kaki dan juga berbasikal dalam jarak 2

km hingga 10 km untuk sampai ke taman yang lain.

"Selain itu, ia juga dijadikan sebagai jalan pintas (shortcuts) untuk ke kawasan perumahan, stesen MRT dan sekolah," katanya.

Pelaksanaan program Koridor Hijau ini meliputi kawasan seluas 1,555 hektar merangkumi 464 kawasan lapang dan hutan komuniti iaitu Hutan Pendidikan Bukit Gasing dan Hutan Komuniti Kota Damansara.

Ganti paip air dasar laut Pulau Ketam siap hujung tahun ini



Kerja-kerja penyambungan semula jajaran paip sepanjang 18 kilometer yang pecah di dasar laut giat dijalankan

SHAH ALAM - Projek Penggantian Paip Air Dasar Laut Ke Pulau Ketam dijangka siap hujung tahun ini, kata Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) Datuk Seri Dr Maximus Ongkili.

Projek bernilai RM38 juta itu melibatkan pemasangan paip baru sepanjang 5.6 kilometer dengan sebahagian paipnya merentasi Selat Klang.

"Diharap (paip baru) dapat mengatasi masalah gangguan bekalan air yang kerap terjadi di Pulau Ketam yang dianggarkan mempunyai kira-kira 1,200 akaun pengguna," kata-

nya, memetik laporan Bernama.

Pulau Ketam dan Sungai Lima sebelum ini kerap mengalami gangguan bekalan air akibat kebocoran paip dasar laut yang berpunca daripada aktiviti perkапalan selain kerja-kerja mendalamkan dasar Selat Klang yang dijalankan oleh pihak pelabuhan.

Bermula 21 Jun lalu seluruh Pulau Ketam dan Sungai Lima terputus bekalan air tidak berjadual ekoran kejadian paip pecah di dasar laut dengan jajaran paip sepanjang 18 kilometer.

Bagaimanapun kerja baik

pulih dan penyambungan paip berjaya disempurnakan pada 11 Julai sebelum kembali rosak dikawasan lain.

Sekurang-kurangnya 1,184 akaun pengguna melibatkan 5,921 pengguna di kedua-dua kawasan itu terputus membekalkan air bersih hampir sebulan lamanya apabila paip bersaiz 450mm, jenis High Density Polyethylene (HDPE) itu pecah.

Kesannya, kehidupan harian dan mata pencarian dalam sektor perikanan, makanan dan perhotelan yang diusahakan penduduk terjejas teruk.

Pungutan sampah berjalan lancar di Selayang, Kajang

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Selayang (MPS) tidak menghadapi masalah kerja pemungutan sampah berikutan proses itu dilaksanakan secara berkesan mengikut jadual ditetapkan.

Pegawai Perhubungan Awam MPS, Ahmad Fauzi Ishak berkata, kerja pembersihan dan kutipan sisa pepejal dijalankan kontraktor dilantik seperti mana disyaratkan kepada mereka.

"Kontraktor contohnya menjalankan pembersihan awam yang meliputi pembersihan longkang, sapuan dan pemotongan rumput hanya dua kali sebulan serta kutipan sisa pepejal tiga kali seminggu."

"Kita juga berharap kerjasama masyarakat dalam menjaga kebersihan dan tidak hanya bergantung kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)," katanya.

Fauzi berkata, orang perlu memastikan kebersihan dengan sisa sampah di dalam kompaun rumah dibuang di kawasan pengumpulan sampah.

Sampah di Kajang pula diuruskan Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) secara berkala mengikut jadual ditetapkan kepada kontraktor lantikan.

Penolong Pengarah Unit Perancangan Korporat Dan Perhubungan Awam MPKj, Kamarul Izlan Sulaiman berkata, sehingga kini tiada masalah serius dihadapi PBT itu dan semuanya berjalan seperti sedia kala.

“Kontraktor contohnya menjalankan pembersihan awam yang meliputi pembersihan longkang, sapuan dan pemotongan rumput hanya dua kali sebulan serta kutipan sisa pepejal tiga kali seminggu”

AHMAD FAUZI
Pegawai Perhubungan Awam MPS

"Hanya sebelum ini terdapat sedikit gangguan jadual kutipan sampah yang berpunca dari kegagalan Pusat Perolehan Semula Sumber Sisa Pepejal (RDF) Semenyih untuk melaksanakan kerja pelupusan sampah."

"Bagaimanapun, perkara ini telah ditangani dan satu keputusan drastik telah diambil oleh MPKj dan SUK Selangor untuk menghantar sampah yang diutip oleh kontraktor lantikan MPKj ke tapak pelupusan di Tanjung 12, Dengkil yang diuruskan oleh WorldWide Sdn Bhd," katanya.

Kamarul berkata, kerjasama orang ramai penting dalam menjaga kebersihan serta mengelakkan kewujudan sampah haram.

PBT Selangor ke hadapan gempur nyamuk aedes

OLEH HAFIZAN TAIB

SHAH ALAM - Kesemua Pihak Berkusa Tempatan (PBT) mengerakkan operasi memerangi pemberian nyamuk Aedes dan penularan wabak denggi secara serentak di kawasan seliaan masing-masing.

Dari maklum balas yang diterima Selangor Kini, pihak PBT menjalin kerjasama dengan Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Selangor dan Pejabat Kesihatan Daerah melalui pelbagai program dan pendekatan yang disuaipadankan.

Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menubuhkan 'Task Force' khas untuk memeriksa dan memantau kawasan-kawasan di Shah Alam terutamanya di Seksyen 13, 15, U5, Pangsapuri Perdana di Subang Murni dan Dataran Automobil.

Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Mohd Jaafar Mohd Atan menyeru orang-ramai untuk bersama membantu Task Force memerangi denggi dengan berkesan.



"Masalah ini tidak harus dipikul MBSA sahaja tetapi kerjasama orang ramai perlu bagi menanganinya demi kebaikan bersama," tegasnya.

Di Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) pula, unit 'Waste Gang' yang ditubuhkan sejak 1 September 2012 dipergiatkan untuk membersih kawasan pengumpulan sampah pukal,

haram, kebun yang berpotensi menjadi tempat pemberian nyamuk Aedes.

"Penduduk juga diberi kesedaran berkaitan bahaya denggi dan kaedah pencegahan melalui pengedaran risalah semasa aktiviti gotong royong serta turut mengadakan ceramah-ceramah di sekolah," kata MDKL dalam satu kenyataan.

Selain dari kerja-kerja pengabutan yang berterusan, Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) mengambil pendekatan untuk membantu Pejabat Kesihatan Daerah memerangi nyamuk aedes dari segi perkakasan seperti bahan kimia dan alat sembur, serta tenaga kerja.

"Majlis juga menyalurkan bantuan dari segi tong sampah RORO untuk pengumpulan sampah pukal di kawasan lokalkiti wabak denggi bagi mengurangkan sampah," demikian kenyataan MDKS.

Di Selayang, Majlis Perban-

daran Selayang (MPS) mengerakkan kempen penerangan 'Sehari 10 Minit' di kawasan-kawasan kediaman.

"Kempen berterusan ini sekurang-kurangnya membantu usaha mencegah pemberian nyamuk Aedes. Pemilik yang disyaki membiak jentik-jentik dikenakan tindakan tegas dalam usaha memberikan kesedaran kepada masyarakat," kata Pegawai Perhubungan Awam MPS, Ahmad Fauzi Ishak.

Pemantauan ovitrap turut didirikan di lokasi tumpuan awam seperti pasar pagi Selayang Baru, Pasaraya NSK Rawang, Pasar Borong Selayang, Pasaraya Tesco Rawang, Stesen Bas Metro Rawang, Pasar Moden Taman Sri Gombak, Pasaraya Warta dan Pasar Taman Selayang Jaya.

Manakala di Kajang pula, Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) menjalankan aktiviti kawal dan cegah seiring dengan usaha Pejabat Kesihatan

“
Masalah ini tidak harus dipikul MBSA sahaja tetapi kerjasama orang ramai perlu bagi menanganinya demi kebaikan bersama.

JAAFAR ATAN
Datuk Bandar Shah Alam

Daerah di daerah Hulu Langat.

"Pemantauan secara berkala dijalankan di lokalkiti 'hotspot' di keseluruhan Daerah Hulu Langat mengikut bilangan kes."

"Buat masa ini penularan wabak denggi di lokalkiti dipantau MPKj masih terkawal," kata Penolong Pengarah Unit Perancangan Korporat dan Perhubungan Awam MPKj, Kamarul Izlan Sulaiman.



	MALAYSIA		SELANGOR		SHAH ALAM	
	KES	MATI	KES	MATI	KES	MATI
2012	21,900	35	9,113	12	1,111	2
2013	43,346	92	23,852	24	2,762	2
2014	58,940	122	31,435	49	5,596	5
	DATA 8 OGOS 2014		DATA 8 OGOS 2014			

PERINGATAN MESRA KERAJAAN NEGERI MENANGANI ANCAMAN DENGGI

Wabak denggi semakin serius dan meningkat. Musnahkan tempat pemberian nyamuk aedes dengan menghapuskan tempat menakung air di tempat kediaman dan tempat kerja. Jagalah kebersihan setiap hari, setiap masa di mana jua



Kejohanan Perahu Layar Majlis Daerah Kuala Langat

Selangor juarai kategori Laser Radial Men

OLEH NAZLI IBRAHIM

MORIB - Selangor berjaya membuktikan penguasaannya dalam kategori Laser Radial Men di Kejohanan Perahu Layar Majlis Daerah Kuala Langat – KFC Open Regatta 2014 apabila perserta negeri ini menggondol tempat pertama dan kedua acara itu.

Zulaqir Helmy Hassan, 17, dari Persatuan Perahu Layar Selangor (SYA) berjaya menjuarai kategori itu selepas berjaya mengatasi 17 pasukan lain.

Tempat kedua dalam acara sama, Mohd Farhan Hamid, 18, yang juga dari Selangor juga mewakili pasukan sama.

Ini menjadikan pelayar muda Selangor berjaya menguasai tempat pertama dan kedua dalam kategori masing-masing.

“Pihak Kerajaan Negeri sentiasa memberi sokongan terhadap program sukan yang bertujuan untuk melahirkan masyarakat yang cergas dan sihat seperti hari ini dengan Pantai Batu Buruk sudah 11 kali dijadikan tempat pertandingan sejak 2004 hingga sekarang,” kata Exco Belia dan Sukan, Dr Ahmad Yunus Hairi.

Kejohanan yang berlangsung dari 15 Ogos hingga 17 Ogos itu berjaya menarik penyertaan sebanyak 169 penyertaan dari 17 pasukan.

Selain pasukan tempatan, kejohanan yang mempertandingkan 17 kategori kesemuanya itu turut dimeriahkan dua pasukan dari negara jiran, Singapura.

Ketika merasmikan penutupan kejohanan, Dr Ahmad Yunus berkata sebelum ini sudah 11 kali kejohanan sama sudah diadakan di Pantai Batu Laut.



“

Pihak Kerajaan Negeri sentiasa memberi sokongan terhadap program sukan yang bertujuan untuk melahirkan masyarakat yang cergas dan sihat

DR AHMAD YUNUS HAIRI
Exco Belia dan Sukan



Zulaqir berjaya menjuarai kategori Laser Radial Men

‘Halal International Selangor’ pacu industri halal



Fe Jazzareen Mor Japar Khan

SHAH ALAM - Central Spectrum (M) Sdn Bhd (CSSB), sebuah syarikat ahli Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB), menubuhkan bahagian ‘Halal International Selangor’ (HIS) bagi membantu usahawan dan pelabur dalam dan luar negara menyertai industri halal di Selangor dan Malaysia.

Ketua Pegawai Operasi HIS, Fe Jazzareen Mor Japar Khan, berkata pihaknya menumpukan 10 bidang utama iaitu Hartanah, Jaminan Penghantaran, Pembangunan Pasaran, Rantauan Pengedaran, Pembangunan Keupayaan, Pembangunan Modal Insan, Pembangunan

Industri, Perlesenan dan Ro-yalti, Pendanaan dan Kewangan, dan Gaya Hidup.

“HIS bersedia menjadi rakan kongsi kepada firma, usahawan dan pelabur bagi memudahkan memasuki industri halal di Selangor atau Malaysia.

“Dengan memberi perkhidmatan komprehensif dan standard Perkhidmatan Jaminan Penyampaian Halalan Thoy-yiban yang tertinggi,” kata beliau.

Jazzareen berkata, HIS menggabungkan konsep fardu ain (tanggungjawab individu) dan fardu kifayah (tanggungjawab agama) untuk mem-

bantu usahawan dan pelabur bersaing dalam industri dan perdagangan halal sejagat.

Tumpuan HIS tertumpu kepada logistik, kritikal halal, serta sumber yang berpotensi tinggi untuk dibangunkan seperti gelatin, kolagen, bahan pengawetan, farmaseutikal, nutraceutical dan perkhidmatan.

“HIS adalah pusat ulung industri dan perdagangan halal global yang memenuhi keperluan dan permintaan pengguna bagi mewujudkan saluran kepada komponen kritis dalam ekosistem industri halal,” kata Fe Jazzareen.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA KENYATAAN TENDER KERJA

Tawaran adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK) Oleh CIDB dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) serta Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor dalam bidang atau Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja berikut:

BIL.	BUTIR-BUTIR TAWARAN	TARAF TENDER & SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN	LAWATAN TAPAK (TARIKH & TEMPAT TAKLIMAT)	TARIKH & TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH, WAKTU & TEMPAT TAWARAN TUTUP
1.	KERJA-KERJA CERUN NO TENDER : MPAJ 05/E/68/ 04-017/14 CADANGAN KERJA-KERJA PENGUKUHAN CERUN BERISIKO DI 7 (TUJUH) KAWASAN DI SEKITAR MUKIM AMPANG DAN HULU KELANG, MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN : i) HAKISAN TANAH DI JALAN ENGGANG 6, TAMAN KERAMAT. ii) HAKISAN TANAH DI JALAN LEE WOON, TAMAN ZOO VIEW. iii) GELINCIRAN BATUAN DI JALAN UP 4/2, TAMAN UKAY PERDANA. iv) GELINCIRAN BATUAN DI JALAN UP 3/2, TAMAN UKAY PERDANA. v) HAKISAN TANAH DI JALAN UMAR AL-KHATAB, LEMBAH JAYA. vi) GELINCIRAN BATUAN DI LORONG PERMAI 5, TAMAN BUKIT PERMAI. vii) GELINCIRAN BATUAN DI PANGSAPURI MUTIARA COURT, TAMAN BUKIT PERMAI.	KOD BIDANG BARU: BERDAFTAR DENGAN CIDB GRED G4 & KATEGORI PEMBINAAN KEJURUTERAAN AWAM (CE) & PENGKHUSUSAN CE08 & BERDAFTAR DENGAN SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK) OLEH CIDB & PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR (PKK) OLEH CIDB & UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI SELANGOR (UPEN)	Taklimat dan Lawatan tapak. (Kehadiran adalah diwajibkan) TAKLIMAT TARIKH: 25/08/2014 (ISNIN) MASA: 9.00 PAGI TEMPAT: GALERI ARAS 4, MPAJ LAWATAN TAPAK: Akan diberitahu pada masa taklimat dijalankan Nota: Dokumen Tender hanya akan dijual kepada kontraktor yang menghadiri taklimat dan lawatan tapak sahaja.	Mulai : 26/08/2014 (SELASA) Jam : 9.00 PAGI Bahagian Ukur Bahan Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Tingkat 16, Menara MPAJ, Jalan Pandan Utama, Pandan Indah, Selangor 55100, Kuala Lumpur Nota: Petender dikehendaki membawa Sijil Pendaftaran ASAL: 1) Lembaga Pembangunan Pembinaan Malaysia (CIDB) 2) Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK) oleh CIDB 3) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) oleh CIDB 4) Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) 5) Surat Wakil Kuasa (Jika Bukan Pemilik) serta satu salinan pendua sijil berkenaan semasa membeli dokumen tender.	Tarikh Tutup: 08/09/2014 (ISNIN) Sebelum atau Pada Jam 12.00 tengahari Aras 4 Menara MPAJ Jalan Pandan Utama, Pandan Indah, Selangor Darul Ehsan 55100 Kuala Lumpur

- i) Setiap dokumen tender dijual dengan harga RM 100.00. Wang pembayaran tidak akan dikembalikan.
- ii) Dokumen Meja Tawaran dipamerkan mulai 26 OGOS 2014 di Bahagian Ukur Bahan Tingkat 16, Jalan Pandan Utama, Pandan Indah Selangor 55100 Kuala Lumpur pada waktu pejabat.
- iii) Petender hendaklah menunjukkan Sijil Pendaftaran Asal **SEPERTI DISYARATKAN** sebelum dibenarkan membeli dokumen tender dan menyerahkan satu salinan sijil berkenaan.
- iv) Bayaran dalam bentuk Wang Tunai / Deraf Bank di buat atas nama **YANG DI PERTUA MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**.
- v) Dokumen Tender yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam **SAMPUL SURAT YANG DIGAM ATAU BERPELEKAT** yang tertulis nombor tender di sudut kiri bahagian atas dan dimasukkan ke dalam Peti Tender seperti tertera di atas.
- vi) Petender yang tidak mendapat apa-apa jawapan selepas 3 bulan dari tarikh tutup tawaran adalah dianggap tidak berjaya.
- vii) Tarikh akhir penjualan Dokumen Tender adalah pada **08 SEPTEMBER 2014**. Dokumen Tender tidak akan dikeluarkan selepas dari tarikh tersebut. Sebarang pertanyaan sila hubungi **BAHAGIAN UKUR BAHAN** di talian 03-4297 4424 dan 03-4296 3695.
- viii) Wakil yang hadir ke lawatan tapak, **SATU** nama mewakili **SATU** syarikat.
- ix) Petender diwajibkan membawa **COP SYARIKAT** semasa menghadiri taklimat dan lawatan tapak.

MPSJ anjur Larian Hijau SJ 10 km, hadiah menarik RM16,000

OLEH SYAZWANI SUFIAN

rendah dan menengah terbuka kepada orang ramai.

Menurut MPSJ, bagi kategori golongan istimewa terbahagi kepada dua golongan iaitu berkerusi roda dan bukan berkerusi roda.



PENYERTAAN?

www.myraceonline.com
atau terus ke Pejabat Jabatan Pembangunan Masyarakat

Lupus 2,268 VCD & CD haram

KAJANG - Jabatan Penguatkuasaan Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) melupuskan sebanyak 2,268 keping cakera padat video (VCD) dan cakera padat (CD) bernilai hampir RM20,000 yang dirampas dalam beberapa serbuan sebelum ini dilupuskan.

Timbalan Yang Dipertua MPKj, Zul-Kefli@Zulkefli Khalid berkata, MPKj mengenal pasti beberapa lokasi panas menjadi lubuk jualan VCD tanpa lesen dan beroperasi secara haram antaranya termasuk Kajang Prima, Balakong, Sungai Chua dan Sungai Long.

Pihak majlis turut menerima banyak aduan daripada orang ramai yang rimas dengan kewujudan penjaja menjual VCD di kaki lima, pasar

malam dan kawasan terbuka.

Zul-Kefli berkata, Jabatan Penguatkuasaan MPKj akan menjalankan operasi berterusan supaya aktiviti perniagaan VCD tanpa lesen dapat dibaneras.

“Kepingan VCD dilupus adalah hasil rampasan antara Januari hingga Mac, angkanya menunjukkan sedikit peningkatan berbanding tempoh sama tahun lalu,” katanya.

ZUL-KEFLI

@ZULKEFLI KHALID

Timbalan Yang Dipertua MPKj

ambil di bawah Undang-undang Kecil MPKj 2007 dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974

Kepingan VCD dilupus adalah hasil rampasan antara Januari hingga Mac, angkanya menunjukkan sedikit peningkatan berbanding tempoh sama tahun lalu

ZUL-KEFLI

@ZULKEFLI KHALID

Timbalan Yang Dipertua MPKj

Sambutan Kemerdekaan : MPSJ tawar hadiah RM20,000

OLEH SYAZWANI SUFIAN

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) akan menganjurkan dua program utama iaitu 'Kempen Kibar Jalur Gemilang' dan 'Program Kayuhan Merdeka IOI' sempena sambutan bulan kemerde-

kaan Malaysia yang ke-57.

Program kempen kibar jalur gemilang MPSJ bermula pada 20 Ogos hingga 16 September. Manakala program kayuhan merdeka IOI diadakan pada 23 Ogos bermula seawal 7.30 pagi bertempat di The Cube, Jalan Puteri 1/2, Bandar Puteri Puchong.

Timbalan Pengarah Korporat, Muhammad Azli Miswan berkata, objektif perlaksanaan program itu bagi memupuk kecintaan pada negara dan mengeratkan perpaduan rakyat.

"Terdapat pelbagai aktiviti menarik disediakan,



seperti cabutan bertuah, pameran jualan barang basikal dan banyak lagi.

"Hadiah pertandingan bernilai sehingga RM20,000," kata beliau dalam satu kenyataan media.

Selain itu, MPSJ berharap orang awam terutama penduduk yang tinggal di kawasan MPSJ merebut peluang menyertai kempen dan program ini sekaligus menyemarakkan lagi sambutan bulan kemerdekaan.

PERTANYAAN?

Hubungi urus setia di talian 03-80264462 / 4469.



Gaya hidup mewah dikelilingi keindahan alam dengan kawalan keselamatan rapi.



Di Ambrosia @ Kinrara Residence, Puchong, kemewahan moden digabung bersama keindahan alam dalam kawasan yang amat eksklusif dan selamat. Dibangunkan dalam perbandaran maju dengan panorama indah tanah tinggi, komuniti berpagar dan terkawal ini bersebelahan dengan hutan simpan Ayer Hitam seluas 3,000 ekar. Alami kemewahan rekaan yang melengkapi kehidupan anda dalam konsep gaya hidup metropolitan.

Ambrosia @ Kinrara Residence menampilkan pelbagai ciri istimewa dan unik:

- Rumah kelab eksklusif untuk residen
- Sistem keselamatan terunggul
- Rekaan rumah moden
- Berhampiran dengan pelbagai kemudahan
- Laluan LRT yang bakal dibina



Gambaran Artis

ASTERIA

Banglo Eksklusif
3-tingkat dengan lift
6+1 bilik tidur dan
6+1 bilik air
60' x 90' / 5,688 kps

DAISY

Rumah Berkembar Superior 3-tingkat
6+1 bilik tidur dan
6+1 bilik air.
40' x 80' / 4,468 kps




Rumah sebenar sedia untuk dikunjungi! ☎ 013-537 9980 / 012-211 7554 | www.kinrararesidence.com.my



Keistimewaan Eksklusif:



Perniaga yang memenangi pelbagai anugerah:



Untuk keterangan lanjut:

1300 88 6866
www.mahsing.com.my

Follow us on Mah Sing Group

Legend Grand Development Sdn Bhd (674254-T) A wholly owned subsidiary of Mah Sing Group Berhad. Head Office: Wisma Mah Sing, Penthouse Suite 2 No.163, Jalan Sungai Besi, 57100 Kuala Lumpur, Malaysia. Tel: +603-9221 6888 (Hunting Line) Fax: +603-9222 8988. Registration License No: 10284-503-2013111500-01 • Validity Period: 31/12/2014 – 30/03/2015 • Advertising & Sales Permit No: 10284-503-2013111500-01 • Validity Period: 31/12/2014 – 30/03/2015 • Approving Authority: Majlis Perbandaran Subang Jaya • Building Plan Reference No: MPSU/03/09/C-1963 • Expected Date of Completion: March 2015 • Land Tenure: 99 years Leasehold (Expiry on 12 April 2115) • Land Encumbrance: Public Bank Berhad • 3 Storey Bungalow (Type A) • Total units: 54 units • Selling Price: RM2,108,800.0000 - RM6,844,300.0000 • 3 Storey Bungalow (Type B) • Total units: 14 units • Selling Price: RM4,115,300.0000 - RM4,493,300.0000 • 3 Storey Bungalow (Type C) • Total units: 8 units • Selling Price: RM4,613,300.0000 - RM4,993,300.0000 • 3 Storey Terrace (Type D) • Total units: 86 units • Selling Price: RM2,181,800.0000 - RM2,304,800.0000 • Total units: 145 units • Discount: 2% for stamp duty • Disclaimer: The information contained in this visual is subject to change and cannot form part of an offer or contract. All renderings are artist's impression only. All measurements are approximate. While every reasonable care has been taken in preparing this visual, the developer cannot be held responsible for any inaccuracy. All the above items are subject to variation, modifications and substitutions as may be required by the Authorities or recommended by the Architect or Engineer. Terms & conditions apply.

Tangkap pembuang sampah haram dapat RM500

SHAH ALAM - Majlis Bandara Shah Alam (MBSA) memohon bantuan orang ramai melaporkan tindakan pihak tidak bertanggungjawab membuang sampah secara haram.

Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Mohd Jaafar Mohd Atan, berkata MBSA sedia menawarkan wang tunai RM500 kepada sesiapa yang berjaya membuat laporan hingga tertangkap.

Katanya, orang ramai boleh melaporkan kepada MBSA jika melihat pembuangan sampah secara haram di kawasan sungai, tepi jalan atau tempat yang tidak sepatutnya.

"Orang ramai boleh buat panggilan pada kita, MBSA akan hantar penguatkuasa untuk datang buat tangkap."

"Jika bahagian akaun lambat bagi duit, saya akan dahulukan duit sendiri sebagai ganjaran bantuan orang awam," katanya.

Mengulas lanjut, insentif wang tunai berkenaan bertujuan menggalakkan penyertaan orang ramai dalam membanteras aktiviti haram.

"Selain itu dapat juga kita memastikan persekitaran tempat yang didiami ini bersih dan sejahtera."

"Sampah yang tidak diproses di tempat sepatutnya bukan sahaja mencemar alam sekitar, bahkan boleh mendatangkan penyakit dan bahaya," katanya.

ADUAN SAMPAH?

Hubungi hotline MBSA

1-800-88-4477

Tiada masalah sampah tidak diangkut di Kuala Langat

OLEH HAFIZAN TAIB

SHAH ALAM - Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) tidak menghadapi masalah sampah yang serius berikutan kerja-kerja pungutan berjalan lancar dan aduan juga kurang diterima daripada orang awam.

Jurucakap MDKL dalam satu kenyataan berkata, Pihak Berkusa Tempatan (PBT) itu hanya menerima kurang 20 aduan setiap bulan dari penduduk yang menerima perkhidmatan daripada mereka.

"MDKL mempunyai tujuh syarikat kontraktor yang dilantik untuk melaksanakan kerja-kerja pungutan sampah domestik."

"Bagi sampah pukal, haram dan kebun pula, pungutan dilakukan oleh pekerja-pekerja MDKL dengan kemudahan empat lori dan sebuah jengkaut (JCB)."

"Program gotong-ro Yong juga dilakukan dengan fokus kepada pembersihan kawasan terutamanya membersihkan sampah-sampah longgok, sampah haram, semak samun dan juga lain-lain yang berkaitan dengan kebersihan kawasan," menurut kenyataan daripada MDKL.



Kerajaan Negeri peka dengan masalah sampah di Selangor bagi memastikan ia diurus dengan baik

MDKS: Masalah sampah terkawal dan diurus dengan baik

SHAH ALAM - Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) melaksanakan pelbagai langkah memastikan pencemaran sampah terkawal dan diurus dengan baik.

MDKS dalam satu kenyataan berkata pihaknya melakukan penambahbaikan yang berterusan dari peringkat kontraktor hingga ke penduduk setempat.

"Mengikut Objektif Strate-

Majlis juga telah melantik kontraktor yang mengutip sampah pukal dan mempunyai panel kontraktor yang membekalkan tong RORO jika ada keperluan atau permintaan daripada penduduk terutamanya semasa aktiviti gotong royong

gik MDKS iaitu Memperkuatkan Pengurusan dan Perkhidmatan Perbandaran bagi Kemakmuran dan Kesejahteraan Masyarakat, Majlis menjalankan pengawasan dan pemantauan kerja-kerja kontraktor pembersihan awam dan kutipan sampah.

"Jika terdapat kerja-kerja yang tidak memuaskan maka pemberian amaran lisan, denada, notis tindakan pembetulan

atau surat amaran akan dikenakan.

"Majlis juga telah melantik kontraktor yang mengutip sampah pukal dan mempunyai panel kontraktor yang membekalkan tong RORO jika ada keperluan atau permintaan daripada penduduk terutamanya semasa aktiviti gotong royong," demikian kenyataan MDKS.

Bagi menangani isu kebersihan di pasar basah dan medan selera, MDKS menerusi Jabatan Perkhidmatan Bandar dan Persekitaran menyasarkan operasi penguatkuasaan kebersihan sebanyak 20 kali setahun.

Program Kempen Kitar Semula juga dijalankan seperti pembukaan pusat berkenaan pada setiap Sabtu yang dikenakan MDKS bagi mengurangkan kos 'tipping fee' ke tapak pelupusan sampah.

PKNS sasar bina 31,000 rumah mampu milik sehingga 2031

OLEH NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) mensasarkan pembinaan 31,000 unit rumah mampu milik di seluruh Selangor sehingga 2031.

Pengurus Perhubungan Awam PKNS, Ishak Hashim berkata PKNS berasa bertanggungjawab untuk membina rumah yang mampu dimiliki dan selesa untuk rakyat terbanyak.

"Rumah mampu milik yang kami jenamakan sebagai Rumah Selangorku Idaman PKNS ini adalah disubsidi melalui projek komersial atau rumah kos tinggi.

"Projek rumah mampu milik ini bertujuan membantu rakyat Selangor khususnya golongan berpendapatan rendah dan senderhana memiliki kediaman sendiri pada harga yang berpatutan," katanya.

Beliau berkata demikian di Majlis Doa Selamat dan Kesukuran sempena sambutan Jubli Emasnya yang turut dihadiri rakyat Selangor di

Masjid Negeri, baru-baru ini.

Penganjuran majlis yang bermula dua hari sehingga hari ini itu bertujuan berkongsi dan menzahirkan kesyukuran atas pencapaian, kestabilan serta pengukuhan organisasi berkecuaan selama 50 tahun.

Ishak menjelaskan PKNS sudah membina 11 bandar di Selangor seperti Shah Alam, Petaling Jaya, Bangi, Ampang, Ulu Klang, Kelana Jaya, Bandar Sultan Suleiman, Kota Damansara, Kota Puteri, Antara Gapi, Bernam Jaya dan Taman Sains Selangor 2.

"Dalam tempoh 50 tahun ini, banyak pahit manis yang sudah PKNS lalui dan pengalaman itu menjadikan kami sebagai organisasi yang semakin kuat," katanya.

Majlis dirasmikan Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim selaku Pengerusi PKNS yang turut dihadiri Pengurus Besar PKNS, Azlan Md Alifiah.

Pelbagai program menarik yang diisi pada majlis kesyukuran itu antaranya kuliah dhuha,



Menteri Besar Selangor dan Pemangku Pengurus Besar PKNS, Azlan Md Alifiah (dua dari kiri) serta orang ramai sedang mengaminkan doa

forum perdana dan qiamullail yang dihadiri penceramah seperti Ustaz Haslin Bahrin, Ustaz Fauzi Mustafa, Ustaz Syed Norhisham dan Ustazah

Noor Laila Aniza Zakaria.

Bagi memeriahkan lagi sambutan Jubli Emas PKNS sepanjang Ogos ini, pelbagai program lain turut diadakan

antaranya Konvensyen Tahunan Integriti 2014, Majlis Penanaman 1juta pokok di SSP2 dan Cabaran Boling Jubli Emas PKNS bersama media.

<< dari muka 16



Sebahagian daripada pembeli yang hadir pada Majlis Majlis Undian dan Tawaran Rumah Selangorku Idaman PKNS

Antara Gapi adalah projek mampu milik ketiga dibangunkan PKNS selepas Bukit Botak, Selangor dan Bandar Baru Bangi.

Projek yang dijangka siap pada penghujung Disember ini menyediakan 129 unit kediaman rumah teres 1½ tingkat pada harga bermula RM180,000 setiap unit mengikut keluasan tapak.

Dalam perkembangan lain, PKNS akan membangunkan 198 unit 'town house' di Kota Puteri selain 5,000 kediaman mampu milik yang dijangka siap sepenuhnya dalam jangka masa lima tahun lagi.

Orang ramai yang berminat boleh mendaftar dengan LPHS dan melepassi saringan de-

ngan syarat ditetapkan sebelum nama mereka dimajukan kepada PKNS.

Antara syarat permohonan, pendapatan bulanan tidak melebihi RM8,000 sebulan, tidak memiliki sebarang jenis kediaman lain di Selangor dan tujuan pembelian untuk mendiami bukan disewakan.

WAKTU SOLAT SELANGOR

22 - 29 OGOS 2014
26 SYAWAL - 3 ZULKAEDAH 1435H

Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
22 Jumaat	5:43	5:53	7:10	1:19	4:32	7:24	8:35
23 Sabtu	5:43	5:53	7:10	1:19	4:32	7:24	8:35
24 Ahad	5:42	5:52	7:10	1:18	4:31	7:24	8:34
25 Isnin	5:42	5:52	7:10	1:18	4:30	7:23	8:34
26 Selasa	5:42	5:52	7:10	1:18	4:29	7:23	8:33
27 Rabu	5:42	5:52	7:10	1:18	4:29	7:23	8:33
28 Khamis	5:42	5:52	7:09	1:17	4:28	7:22	8:32
29 Jumaat	5:42	5:52	7:09	1:17	4:27	7:22	8:32

Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
22 Jumaat	5:45	5:55	7:12	1:21	4:34	7:26	8:37
23 Sabtu	5:44	5:54	7:12	1:21	4:34	7:26	8:37
24 Ahad	5:44	5:54	7:12	1:20	4:33	7:26	8:36
25 Isnin	5:44	5:54	7:12	1:20	4:32	7:25	8:36
26 Selasa	5:44	5:54	7:12	1:20	4:31	7:25	8:35
27 Rabu	5:44	5:54	7:11	1:20	4:30	7:25	8:35
28 Khamis	5:44	5:54	7:11	1:19	4:30	7:24	8:34
29 Jumaat	5:44	5:54	7:11	1:19	4:29	7:24	8:34



Rumah Selangorku

Kerajaan Negeri sasar 40,000 Rumah Mampu Milik untuk tempoh 5 tahun

OLEH LIZAWATI MADFA

HULU SELANGOR - Kerajaan Negeri terus komited membina lebih banyak rumah mampu milik pada masa hadapan untuk memenuhi keperluan rakyat Selangor.

Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Peneroka Bandar, Iskandar Abdul Samad berkata, Kerajaan Negeri mensasarkan pembinaan 40,000 rumah mampu milik dalam tempoh lima tahun akan datang melalui program Rumah Selangorku.

Katanya, komitmen itu selaras dengan keperluan mendesak rakyat untuk memiliki kediaman sendiri pada harga berpatutan.

"Kita akan mulakan projek rumah mampu milik sendiri pada Oktober tahun ini di Sungai Sering yang diuruskan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) menggunakan rizab negeri RM100 juta.

"Usaha ini akan kita perluaskan lagi bagi membolehkan rakyat menikmati hasil ekonomi Selangor," katanya di hadapan lebih 100 hadirin pada Majlis Undian dan Tawaran Rumah Selangorku Idaman Antara Gapi yang dibangunkan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), baru-baru ini.



KOMITED... Iskandar memotong reben pada kotak undi sewaktu Majlis Undian dan Tawaran Rumah Selangorku Idaman PKNS yang dibangunkan perbadanan tersebut

lihat muka 15 >>



Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)

TERKINI!!!



YAWAS
yayasan warisan anak selangor

Tarikh tutup pendaftaran Ahli TAWAS adalah pada ulang tahun **KETIGA pemohon**

Anak-anak Selangor yang belum mencapai usia **3 TAHUN** atau lahir bermula dari **9 Julai 2011** dipelawa untuk mendaftar sebagai Ahli TAWAS.

Manfaat:

- Skim Khairat Kematian bernilai RM 1,500 *
- * Berkutukusa pada 1 Mac 2014
- Hadiah Kelahiran 2008 : Baucer Jom Shopping RM 100
- Hadiah Kelahiran 2009 : Bonus RM 30
- Hadiah Kelahiran 2010 : Bonus RM 30
- Hadiah Kelahiran 2011 : ?
- Hadiah Kelahiran 2012 : ?

CEPAT, DAFTAR SEKARANG!!!

selangorku

Maklumat lanjut sila layari www.tawas.org.my

atau hubungi **03 - 5521 8740 / 8741**